

01/08/2000

Malaysia gilir ambil pekerja asing

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia kini mengamalkan dasar penggiliran pengambilan pekerja asing iaitu mereka yang habis tempoh bekerja dihantar balik dan tempatnya diambil alih oleh pekerja baru.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengambilan pekerja asing baru itu, termasuk dari Bangladesh, dilaksanakan apabila ada kekosongan pekerjaan di negara ini.

Malah, katanya, mana-mana pekerja asing yang ada di sini tetapi tidak mempunyai pekerjaan kerana datang melalui saluran tidak sah, dihantar pulang bagi mengelak mereka menimbulkan masalah lain.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Bangladesh, Sheikh Hasina Wajid di Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu pemberita selepas mesyuarat delegasi Malaysia-Bangladesh, dasar penggiliran itu sudah diamalkan sekarang.

"Kebanyakan daripada 119,000 pekerja Bangladesh di negara ini sekarang adalah separuh mahir. Dr Mahathir juga mahukan supaya mereka datang ke sini dengan cara baik tanpa dieksploitasi oleh kumpulan tertentu yang tidak bertanggungjawab yang akhirnya menghampakan mereka.

"Maknanya, pekerja Bangladesh perlu datang untuk bekerja di negara ini mengikut saluran yang betul. Ini kerana ramai antara mereka datang ke sini mengharapkan kebahagiaan," katanya sambil menambah, Bangladesh mahu supaya jumlah rakyatnya yang bekerja di negara ini ditambah.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis jamuan malam bagi meraikan Sheikh Hasina dan rombongannya di Seri Perdana malam ini, Dr Mahathir memberi jaminan Malaysia akan terus mengambil pekerja dari Bangladesh kerana menghargai sumbangan positif mereka dalam pembangunan ekonomi negara ini.

"Kita menghargai sumbangan positif pekerja Bangladesh dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Malaysia akan terus mengambil pekerja dari Bangladesh apabila dirasakan perlu," katanya.

Malaysia berhenti mengambil pekerja asing dari Bangladesh dan lain-lain negara Asia pada 1997 berikutan kegawatan ekonomi dan mengisytiharkan 150,000 daripada 300,000 pekerja Bangladesh di Malaysia sebagai pendatang tanpa izin ketika itu.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Sheikh Hasina ke Malaysia. Beliau diiringi delegasi 73 orang, termasuk menteri, pegawai kanan dan ahli perniagaan. Antaranya ialah Menteri Buruh dan Pekerjaan M A Mannan dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Abul Hasan Chowdhury.

Sheikh Hasina tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dalam usaha mempertingkatkan hubungan dua hala serta kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, dekat sini, disambut oleh Syed Hamid dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil selaku Menteri pengiring.

Satu majlis untuk menyambut Sheikh Hasina diadakan di Dataran Putrajaya sebelum pertemuan antara kedua-dua pihak.

Sebelum kegawatan ekonomi pada 1997, ada kira-kira 1.2 pekerja asing di negara ini. Jumlah itu bagaimanapun menurun berikutan langkah kerajaan membekukan pengambilan buruh asing dan penghantaran pulang sebahagian besar mereka.

Februari lalu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengambilan Pekerja Asing membenarkan semula pengambilan pekerja asing untuk semua sektor, kecuali bagi 138 jawatan yang merangkumi atendan hospital, jurutera mekanikal sehingga kepada eksekutif pelancongan.

Sebelum ini, Sheikh Hasina pernah meminta Dr Mahathir untuk mengkaji semula dasar pengambilan pekerja asing dan kembali mengambil pekerja Bangladesh.

Bangladesh yang semakin miskin, menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan bagi berjuta-juta rakyatnya di Timur Tengah dan negara Teluk, mencari tempat lain sebagai sumber pekerjaan.

Lebih 30,000 pekerja Bangladesh kembali dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) pada 1996 bagi melarikan diri daripada undang-undang imigresen baru yang ketat dan sekurang-kurangnya 50,000 orang pulang dari Malaysia pada 1997.

(END)